

# PH yakin menang PRK Parlimen Tanjung Piai

## Dr Mahathir minta BN letak calon UMNO bertanding

Oleh Wan Faizal Ismayatim  
dan Petah Wazzan Iskandar  
bhnews@bh.com.my

**Putrajaya:** Pakatan Harapan (PH) yakin boleh memenangi Pilihan Raya Kecil (PRK) Parlimen Tanjung Piai jika Barisan Nasional (BN) meletakkan calon UMNO.

Pengerusinya, Tun Dr Mahathir Mohamad, berkata PH berpendapat pakatan itu juga bergantung kepada parti lawan untuk menang.

Sehubungan itu, Perdana Menteri meminta UMNO meletakkan calonnya pada PRK berkenaan yang dijadualkan pada 16 November ini.

“Hari ini (semalam), kita bincang (berkaitan PRK) Tanjung Piai. Banyak masalah di situ, kita juga berpendapat bahawa kita bergantung kepada parti lawan untuk menang.

“Kita minta supaya mereka letak calon UMNO. Tolonglah supaya kita (PH) boleh menang,” katanya kepada media selepas



*Dr Mahathir bersama Presiden Pakatan Harapan (PH), Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail dan Presiden PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim pada Mesyuarat Majlis Presiden Pakatan Harapan di Putrajaya, semalam.*

(Foto Mohd Fadli Hamzah/BH)

mempengerusikan Mesyuarat Majlis Presiden PH di Yayasan Kepimpinan Perdana di sini, semalam.

Ditanya faktor membuatkan PH yakin menang jika UMNO bertanding PRK berkenaan, Dr Mahathir berkata: “Adalah faktor, tapi tak boleh diterangkan”.

Perdana Menteri yang juga Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (BERSATU) turut mengesahkan calon PH pada PRK Parlimen Tanjung Piai adalah daripada parti yang diterajunya.

“Calon belum ditentukan, te-

tapi daripada BERSATU,” katanya.

PRK Parlimen Tanjung Piai diadakan susulan kematian penyandanginya daripada BERSATU, Datuk Dr Md Farid Md Rafik, 43, yang juga Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri pada 21 September lalu akibat komplikasi jantung.

Allahyarham yang juga Timbalan Ketua BERSATU Bahagian Tanjung Piai, menang pada Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14) dengan majoriti 524 undi selepas menewaskan penyandang, Wee Jeck Seng daripada MCA dan

Nordin Othman daripada PAS.

Dalam perkembangan lain, Perdana Menteri berkata, Majlis Presiden PH mencadangkan sedikit perubahan dalam Belanjawan 2020 yang akan dibentangkan di Dewan Rakyat, Jumaat ini.

“Kita bercakap panjang lebar mengenai Belanjawan 2020, pendapat berbeza, ada sedikit perubahan dalam bajet ini yang dicadangkan. Harap Menteri Kewangan (Lim Guan Eng) ambil kira pandangan ini dan buat pengumuman dalam ucapan (pembentangan),” katanya.